

**KOMUNIKASI PEMBANGUNAN:
PERKEMBANGAN DAN PENGAMATAN**
Fuziah Kartini Hassan Basri

Komunikasi Pembangunan merupakan satu subjek dan objek perbincangan yang popular dalam bidang pengajian komunikasi. Dibicarakan dengan luas, komunikasi pembangunan ialah disiplin dan amalan komunikasi dalam konteks negara-negara sedang membangun. Ramai pula yang menyatakan komunikasi pembangunan adalah satu fenomena Dunia Ketiga. Apa sekalipun, yang jelas ialah komunikasi itu penting untuk pembangunan, dan pembangunan ialah satu matlamat dasar di mana-mana negara juga di dunia ini.

Semua orang bersetuju bahawa komunikasi pembangunan itu sama maksudnya dengan komunikasi untuk pembangunan. Sehubungan dengan itu, ramai pula yang cuba memberikan takrifan kepada konsep dan ruang lingkup komunikasi pembangunan.

Nora C. Quebral dari Department of Development Communications, University of Philippines at Los Banos (UPLB), Filipina merupakan antara yang terawal memberikan takrifan rasmi kepada konsep ini. Menurutnya, komunikasi pembangunan ialah: Selok-belok komunikasi antara manusia yang digunakan untuk mempercepatkan perubahan sesebuah negara dan sebilangan besar rakyatnya dari kemiskinan kepada satu pertumbuhan ekonomi yang dinamik yang memungkinkan kesamarataan sosial dan

peningkatan pencapaian potensi manusia.

Samsudin A. Rahim dari Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia mentakrifkan komunikasi pembangunan dalam nada yang sama, yakni "satu usaha yang menggunakan selok-belok komunikasi untuk mengubah corak serta meningkatkan taraf hidup rakyat sesebuah negara kepada satu tahap yang lebih baik untuk menikmati keadilan sosial."

Dalam satu kertas kerja yang bersekitar pada penyertaan rakyat sebagai prasyarat pembangunan, Tan Sri Dr. Arshad Ayub menakrifkan komunikasi pembangunan sebagai:

Satu proses yang cuba mempertemukan kepentingan para perancang, pembuat-dasar dan pentadbir dengan kepentingan rakyat.

Sebenarnya, takrifan-takrifan ini menunjukkan perkaitan yang rapat dengan perkembangan komunikasi pembangunan sebagai satu bidang akademik dan kajian serta perleluasannya sebagai satu amalan dalam proses pembangunan di negara-negara sedang membangun, terutamanya di Asia, Amerika Latin dan Afrika.

Kalau diperincikan, konsep komunikasi pembangunan ini mula dibangkitkan di Asia. Penelitian menunjukkan konsep ini dicipta di College of Agriculture, UPLB pada tahun 1973, di mana program sarjana komunikasi pertaniannya diubah kepada komunikasi pembangunan. Perkembangan kurikulumnya lama kelamaan membawa kepada penubuhan satu jabatan khusus untuk pengajian dan penyelidikan komunikasi untuk pembangunan di Universiti

itu. Jadi bidang komunikasi pembangunan bolehlah dikatakan sebagai sesuatu yang asli di rantau ini. Di Malaysia dewasa ini, bidang pengajian ini ditawarkan di Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Institut Teknologi MARA dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Di negara-negara Barat seperti Amerika Syarikat, pengajian komunikasi pembangunan sebenarnya tidak wujud secara per se. Kebanyakan kursus komunikasi pembangunan diserapkan ataupun dikendalikan dalam program agricultural journalism, agricultural communication, communication arts, speech communication ataupun communication research. Pada umumnya, pengajian komunikasi pembangunan di Amerika Syarikat bermula dengan perbincangan dan penyelidikan mengenai peranan komunikasi, massa atau perseorangan, dan aktiviti-aktiviti pengembangan dalam pembangunan pertanian. Disiplin ini semakin berkembang apabila isu sikap, perubahan sikap dan pembujukan mula dikaitkan dengan keputusan dan tindakan untuk berubah di kalangan petani dan peladang.

Di rantau sebelah sini, terutamanya di Filipina, komunikasi pembangunan juga bermula dengan pengajian komunikasi pertanian dan aktiviti pengembangan yang terlibat dengan pertanian. Tetapi lama kelamaan, oleh kerana pembangunan bukan hanya bertumpukan kemajuan di bidang pertanian, dan komunikasi ternyata mustahak di setiap lapangan kehidupan, maka komunikasi pembangunan muncul sebagai pengajian yang lebih mantap dan

tersusun.

Dalam era paradigma baru pembangunan dan komunikasi untuk pembangunan, saya kira satu penakrifan yang lebih khusus dan terperinci perlu diberikan kepada komunikasi pembangunan supaya pengertian dan ruanglingskupnya menjadi lebih tepat dan menyeluruh. Untuk itu, saya cadangkan direnung takrifan berikut:

Komunikasi pembangunan ialah perancangan, pengurusan, penyampaian dan penilaian pengetahuan, kepakaran, kemahiran dan teknologi komunikasi yang strategik dan wajar ke arah pembaikan kehidupan manusia dan pencapaian potensi mereka yang lebih menyeluruh.

Adalah dirasakan penakrifan yang lebih spesifik ini sesuai dengan perkembangan ruanglingskup perbincangan dan pengalaman komunikasi pembangunan. Di samping itu juga, penakrifan itu dirasakan relevan dengan pengolahan-semula peranan komunikasi dalam pembangunan sehubungan dengan paradigma baru. Sesungguhnya peranan dan nilai komunikasi dalam pembangunan bukanlah bermula di tahap pelaksanaan dan penyampaian, tetapi ia harus diambil kira dan diamalkan di awal-awal penggubalan dasar dan perancangan lagi.

Pusat atau pokok pembicaraan peranan komunikasi dalam pembangunan ialah maklumat. Dalam proses komunikasi, maklumat tidak semestinya sesuatu yang hanya boleh didapati dalam dan dari komponen mesej atau perutusan semata-mata. Malahan maklumat itu boleh didapati dalam dan dari setiap satu komponen proses

komunikasi itu.

Apa yang jelas ialah maklumat itu berada di mana-mana jika kita menggunakan kelima-lima deria kita (deria mendengar, deria melihat, deria merasa, deria menghidu dan deria menyentuh, serta mungkin juga deria keenam) dengan betul. Persekitaran adalah ataupun mengandungi maklumat kepada khalayak dan sumber. Begitu juga dengan mesej, saloran, maklumawal (feedforward), dan maklumbalas – semuanya adalah maklumat kepada peserta-peserta komunikasi. Antara sumber dan khalayak jua masing-masing merupakan maklumat kepada satu sama lain. Jadi bolehlah dikatakan, keseluruhan proses komunikasi adalah ataupun mengandungi maklumat.

Apa itu maklumat? Rata-ratanya maklumat itu ialah intipati setiap satu perkara. Kalau kita cuba mentakrifkan konsep maklumat itu, kita mungkin boleh menyatakan bahawa maklumat itu ialah gabungan sejumlah fakta dan idea (ataupun bukan-fakta) yang wujud dan boleh dicari, diterima, diperolehi dan diketahui oleh seseorang, dalam sesuatu masa. Sesiapapun boleh mendapatkan maklumat sekiranya ia berusaha. Penilaian seseorang terhadap maklumat adalah amat subjektif – kepada A, maklumat M, adalah bagus dan berguna kepadanya, manakala B menganggap M sebagai omong kosong semata. Bentuk maklumat juga boleh diperhatikan sebagai berbagai-bagai. Ada yang berbentuk pertuturan, penulisan, gaya dan perbuatan, tidak bergerak, ternyata (tersurat), tersembunyi (tersirat), lama ataupun baru. Maklumat yang baru disebut sebagai inovasi.

Sifat maklumat amatlah menarik sekali. Oleh kerana bentuk-bentuknya tadi, maka maklumat adalah sesuatu yang boleh dikongsi; yang boleh disebarluaskan; yang boleh dibawa ke mana-mana dan dipindah ke sana sini; yang boleh dibuangkan sekiranya tidak perlu atau tidak sah lagi; yang boleh diperbaharui dan dikemaskinikan; yang boleh digantikan sekiranya hilang; yang boleh diperkecilkan, diperbesarkan/perkembangan; dan disepadukan; yang boleh disimpan untuk kegunaan bila diperlukan; yang boleh diproseskan; dan yang boleh diuruskan dengan sistematis.

Sifat-sifat ini menyebabkan maklumat senang dikendalikan dan dengan kebijaksanaan dan ikhtiar, senang digunakan.

Perjalanan hidup manusia memerlukan maklumat untuk membantunya dari hari ke hari. Maklumat adalah mustahak kepada manusia; tanpa maklumat, manusia tidak tahu, dan sekiranya ia tidak tahu, ia tidak dapat ataupun sukar membuat keputusan untuk bertindak. Membuat keputusan adalah asas kepada tindak-tanduk manusia dalam segala hal. Tiap-tiap hari, manusia membuat keputusan. Malahan, adalah tidak keterlaluan untuk mengatakan, hampir setiap saat ataupun pada setiap kelipan mata, manusia membuat keputusan. Apatah lagi untuk mencapai kesejahteraan hidup ataupun pembangunan, manusia memang perlu berikhtiar dan membuat keputusan: Apa hendak dibuat? Bagaimana membuatnya? Bila hendak membuatnya? Kenapa perlu membuat? dan sebagainya. Lantaran itu dalam komunikasi pembangunan, maklumat adalah satu

sumber (resource) yang tidak ternilai harganya.

Seperti yang telah diutarakan, pembicaraan peranan komunikasi dalam pembangunan perlu bersekitar pada maklumat. Ini adalah kerana komunikasi itu membawa dan mengandungi maklumat dan maklumat adalah penting untuk proses membuat keputusan. Dalam sistem komunikasi pembangunan, komunikasi, melalui maklumat, menjadi penghubung antara dua sistem yang terlibat, yakni sistem sumber dan sistem khalayak. Jadi satu jaringan komunikasi pembangunan telah wujud dengan nyatanya melalui kedudukan dan kegunaan maklumat. Dan sebagai sumber yang membantu dalam proses membuat keputusan, maklumat memberikan sumbangan besar kepada kedua-dua sistem sumber dan khalayak untuk memainkan peranan masing-masing dalam keseluruhan proses pembangunan yang hendak dicapai. Kedua-dua sumber dan khalayak memerlukan maklumat yang boleh membantu mereka merancang, mengurus, membuat tindakan dan menilai langkah-langkah yang diambil dalam proses menuju pembangunan. Apa yang berbeza ialah konteks dalam mana keputusan itu diambil. Umpamanya, peranan sistem sumber dalam perancangan komunikasi pembangunan ialah merancang bagaimana maklumat yang wajar dapat disampaikan kepada khalayak, manakala sistem khalayak pula berperanan untuk merancang bagaimana maklumat yang diterima itu dapat digunakan dengan berkesan untuk faedahnya. Begitulah juga keadaannya bila sumber memberitahu, maka khalayak pula berperanan untuk memahami. Dan jika sumber membuat penilaian, maka

khalayak juga membuat penilaian - sumber menilai maklumat dan maklumbalas; manakala khalayak menilai maklumat yang diterima dan hasil-hasil yang dicapainya sepanjang penerimaangguna sesuatu maklumat. Dari sini pula, sumber perlu membuat keputusan untuk merancang semula dan khalayak untuk mengekalkan amalan.

Sehubungan dengan ini, kita boleh merumuskan bahawa 3 peranan asas komunikasi dalam pembangunan ialah:

1. memberitahu
2. mengajar/mendidik
3. mendorong/memotivasi/kembujuk

Sebagai pemberitahu, komunikasi memberikan maklumat tentang apakah yang perlu untuk menuju pembangunan. Sementara sebagai pengajar/pendidik, komunikasi menerangkan bagaimana ia boleh dilakukan supaya objektif pembangunan itu tercapai. Dan sebagai pendorong pula, komunikasi menjadi katalis untuk menggerakkan khalayak ke arah pembangunan.

Dengan penggunaan teknologi dan strategi komunikasi yang wajar serta tepat (dan ceteris paribus), maka komunikasi tidak dapat dinafikan lagi sebagai satu jentera pembangunan yang mustahak dan perlu.